

ANAK RAJA

DĚNGAN

ANAK PAPA

ANAK RAJA

dengan

ANAK PAPA



CHĒRITA
ANAK RAJA
DĒNGAN
ANAK PAPA

*Ia-itu suatu chĕrita untok anak-anak dan budak-budak
sĕkolah daripada sĕgala tingkatan 'umor-nya*



01000034051

Pusat Dokumentasi Melayu

KARANGAN
MARK TWAIN

DI-MELAYUKAN OLEH
Z'ABA

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

21 JUN 1958

Di-tĕrbitkan oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kĕmĕntĕrian Pĕlajaran
Pĕrsĕkutuan Tanah Mĕlayu
Kuala Lumpur
1958



CHETAK PERTAMA 1958

IIAK MENCHETAK TERPELIHARA
BAGI PENTERJEMAH

P. P. SIKATAN DBP.	
No. Kelas	823 TWa
No. Persewaan	5485
Tarikh:	T.T.
20/6/67	HA

MS



KAPADA
SEGALA KANAK-KANAK DAN KANAK-KANAK
BAIK TINGKAH LAKU DAN MENGEMARKAN HATI
BUKU INI
DI-UNJONGKAN DENGAN KASEH SAYANG
OLEH PENGARANG-NYA



“Sifat pēngasehan itu dua kali bērkat;
Ia mēmbērkati orang yang mēmbēri-nya dan orang yang
mēnērima-nya;
Ia amat bērkuasa pada yang gagah pērkasa;
Ia bērlayak bagi raja yang bērtakhta lēbeh daripada
mahkota-nya.”

— Shakespeare
(dalam Saudagar Venice).



DAFTAR ISI-NYA

	MUKA
Gambar Pëndēpan	ii
Unjongan	v
Kata Sēmpēna dari Shakespeare	vi
Daftar Gambar-Gambar	vii
Pēringatan Pēntērijēmah	ix
Pēndahuluan	xi

BAB

I Anak Raja Dēngan Anak Papa Di-Pēranakkan	1
II Kēhidupan Tom Pada Masa Kechil-nya ..	2
III Tom Bērjumpa Anak Raja	10
IV Anak Raja Mulāi Mēnanggong Kēsusahan ..	20
V Tom Jadi Orang Bērbangsa	25
VI Tom Kēna Ajar	36
VII Tom Dalam Jamuan Kērajaan Pērtama Kali-nya	45
VIII Kēhilangan Chap Mohor Kērajaan	50
IX Pērarakan Di-Sungai	53
X Anak Raja Yang Sa-bēnar Itu Dalam Sēngsara	57
XI Di-Dewan Bēsar Guildhall	68
XII Anak Raja Itu Dēngan Orang Yang Mēnyēlamatkan Dia	75
XIII Anak Raja Itu Hilang	90
XIV Raja Sudah Mangkat – Panjang Usia Ganti-nya	95
XV Tom Jadi Raja	108
XVI Jamuan Kērajaan	122
XVII Raja Bāngang (Tongong) Yang Pērtama ..	125



BAB	MUKA
XVIII Anak Raja Itu Dĕngan Orang-Orang Bangsat	137
XIX Anak Raja Itu Dĕngan Orang-Orang Kampong	147
XX Anak Raja Itu Dĕngan Orang Bĕrtapa	154
XXI Hendon Datang Mĕlĕpaskan-nya	162
XXII Kĕna Pĕrdaya	168
XXIII Anak Raja Itu Kĕna Hukum Pĕnjara	176
XXIV Baginda Mĕlĕpaskan Diri	180
XXV Rumah "Hendon Hall"	184
XXVI Tiada Di-Aku Orang	194
XXVII Dalam Pĕnjara	199
XXVIII Mĕngorbankan Diri	212
XXIX Pĕrgi Ka-London	217
XXX Kĕmajuan Tom	220
XXXI Pĕrarakon Mĕngĕnalkan	223
XXXII Hari Kĕmahkotaan	232
XXXIII Edward Di-Atas Kĕrajaan	249
PENGHABISAN: Kĕ'Adilan Dan Pĕmbalasan ..	260



PERINGATAN PENTERJEMAH

Dĕngan nama Allah yang Maha Pĕmurah dan Maha Pĕngasahan.

Chĕrita "Anak Raja Dĕngan Anak Papa" ini hanya suatu chĕrita yang tĕlah tĕrbit daripada rekaan angan-angan Mark Twain sahaja. Mark Twain ia-lah nama pena sa-orang pĕngarang jĕnaka bangsa Amerika yang tĕrmashhor dan banyak mĕngarang buku-buku chĕrita pĕnggĕli hati yang panjang-panjang sapĕrti ini. Tĕtapi di-dalam gambaran-gambaran lawak dan pura-pura itu ada 'ibarat dan pĕngajaran-nya.

Nama Mark Twain ini yang sa-bĕnar Samuel L. Clemens. Ia tĕlah hidup dari tahun 1835 sampai 1910.

Chĕrita ini tĕlah tamat saya mĕlayukan dalam tahun 1937 tatkala saya bĕkĕrja di-Sultan Idris College, Tanjong Malim: hampir sĕmua-nya tĕlah di-kĕrjakan di-luar daripada waktu pĕjabat. Kĕmudian daripada itu naskhah tĕrjĕmah ini tĕlah di-simpan sahaja tidak di-chetak, oleh kĕrana bĕbĕrapa sĕbab yang tiada pĕrlu di-sĕbutkan di-sini. Naskhah pĕndua-nya yang bĕrtaip sĕrta naskhah asal-nya yang bĕrtulis tangan (kĕdua-dua-nya dĕngan huruf Jawi) tĕlah tĕrtinggal di-College Tanjong Malim dan hilang dalam masa pĕrang dahulu bĕrsama-sama dĕngan bĕbĕrapa banyak surat-surat dan buku-buku sĕrta lima buah hikayat-hikayat Mĕlayu lama tĕbal-tĕbal yang bĕrtulis tangan juga.

Sĕkarang sa-tĕlah bĕrlalu dua puluh tahun maka dĕngan dorongan Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudi bahkan ingin mĕnĕrbitkan buku ini, saya tĕlah tĕrtarek sa-mula mĕnghadapkan hati kapada naskhah yang maseh ada pada saya itu. Dĕngan dĕmikian maka ini-lah tĕrjĕmahan yang tiada sapĕrti-nya ini di-kĕmukakan ka-hadhrat para pĕmbacha sakalian.

Jikalau tĕrjĕmahan ini tĕlah saya pĕrbuat pada masa sĕkarang, bukan-nya dua puluh tahun dahulu, harus-lah akan di-dapati bahasa-nya dan gaya tĕrjĕmah-nya bĕrlainan daripada yang ada ini oleh sĕbab pĕngalaman yang tĕlah bĕrtambah sa-lama itu. Tĕtapi masa yang tĕlah lĕpas ka-bĕlakang tidak-lah mungkin di-kĕmbalikan jadi masa sĕkarang



Mudah-mudahan chērita ini sa-kurang-kurang-nya akan dapat mēnjadi pēnghiboran, pērbandingan, dan pēmbuka fikiran kapada suatu sēgi pēmandangan yang baharu. Wa's-salam.

Z'ABA.

University Malaya,
Singapura.

27 December, 1957.



PENDAHULUAN PENGARANG

Aku tuliskan sĕkarang suatu chĕrita mĕnurut sapĕrti yang tĕlah di-chĕritakan kapada-ku oleh sa-orang yang tĕlah mĕndĕngar-nya daripada bapa-nya, dan bapa-nya itu tĕlah mĕndĕngar daripada bapa-nya pula, dan ia pula daripada bapa-nya. Bagitu-lah bĕrturut-turut ka-bĕlakang dan ka-bĕlakang lagi, hingga tiga ratus tahun lĕbeh — yang si-bapa tiap-tiap pĕringkat itu tĕlah mĕnyampaikan chĕrita ini kapada anak-nya dan dĕngan dĕmikan tĕlah mĕmĕlihara dan mĕngĕkalkan-nya.

Boleh jadi chĕrita ini chĕrita tawarikh yang bĕnar, dan boleh jadi juga ia-itu chĕrita dongeng sahaja, chĕrita riwayat di-buat-buat yang bĕrsalin-salin dari mulut ka-mulut di-pĕsakai dari orang dahulu-dahulu. Barangkali juga hal yang di-chĕritakan ini tĕlah jadi bĕnar-bĕnar, barangkali pula tidak ada tĕrjadi, tĕtapi mungkin boleh jadi.

Mungkin juga orang-orang bijaksana dan orang-orang ahli pĕngĕtahuan zaman dahulu tĕlah pĕrchaya akan chĕrita ini bĕnar, dan mungkin pula barangkali orang yang bukan ahli pĕngĕtahuan dan orang-orang yang tiada banyak so'al jawab tĕlah mĕnyukai-nya dan pĕrchaya akan bĕnar-nya.

